Sinar PAHANG Popaleh Weh!

EDITOR: AHMAD SYAHRUL DERAUH PENOLONG EDITOR: MOHD HAZRIZAL MOHD HANAPIAH & ASWANY OMAR

Bantu ubah nasib keluarga

Anak Orang Asli buktikan mereka juga boleh berjaya

ERMA YUSNIDA JUSOH

KUANTAN

Azni (kanan) menerima anugerah pelajar cemerlang Asli disampaikan Najib, semalam.

Penerima anugerah (dari kiri) Tokoh Kepimpinan Mokhtar Mohamed, 78; Guru Inovatif, J Samuel Isaiah, 31; dan Tokoh Guru, Meriam Mohd Khalid, 73, bergambar bersama selepas menerima anugerah.

Pelbagai bentuk bantuan dan kemudahan pendidikan berjaya membantu rakyat termasuk masyarakat Orang Asli.

Bagi tokoh cemerlang pelajar asli daerah Pekan, Azni Muhammad, 18, dia bersyukur dapat menikmati banyak manfaat daripada program pendidikan disediakan.

Menurutnya, dia mendapat kesedaran bahawa hanya pelajaran dapat membantunya mengubah nasib keluarga.

Remaja berketurunan Jakun dari Kampung Melai, Tasik Chini itu berkata, pelbagai bantuan disediakan kerajaan untuk membantu anak-anak Orang Asli memperoleh pendidikan yang sama seperti masyarakat di kawasan lain.

"Saya berterima kasih kepada kerajaan kerana menyediakan pelbagai jenis bantuan untuk keperluan sokongan pembelajaran. Antaranya Skim Pinjaman Buku Teks bagi semua murid tanpa mengira pendapatan, Rancangan Makanan Tambahan, Bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin dan banyak lagi.

info Antara kemudahan disediakan adalah Skim Pinjaman Buku Teks bagi semua murid tanpa mengira pendapatan.

"Saya dan rakan pelajar lain juga menerima tuisyen percuma tajaan Felda, selain seminar-seminar motivasi daripada Universiti Malaysia Pahang (UMP) melalui projek di bawah Majlis Pembangunan Ekonomi Wilayah Pantai Timur (ECERDC) bagi persediaan SPM tahun lalu," kata bekas pelajar SMK Paloh Hinai yang memperoleh keputusan 6A dalam peperiksaan SPM 2017.

Azni berkata demikian pada Sambutan Hari Guru dan Kecemerlangan Pendidikan Pekan di Dewan Canseleri Sultan Ahmad Shah, Universiti Automotif DRB Hicom Malaysia, di sini, semalam yang disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Dia yang bercita-cita mahu menjadi guru suatu hari nanti masih menunggu peluang melanjutkan pengajian di institut pengajian tinggi.

Sementara itu, Tokoh Guru Parlimen Pekan, Meriam Mohd Khalid, 73, terharu apabila menerima anugerah Tokoh Guru Parlimen Pekan disampaikan Perdana Menteri.

Meriam sebelum itu diarak memasuki dewan bersama seorang lagi tokoh guru, Mokhtar Mohamad.

"Saya amat gembira kerana khidmat sebagai pendidik dihargai banyak pihak. Lebih bermakna, anugerah disampaikan sendiri Perdana Menteri," katanya.

Tahun lalu, seramai 49 orang pelajar di daerah Pekan mendapat semua A dalam UPSR, selain 85 orang dalam PT3 dan 113 orang dalam SPM.

Najib mendengar apa yang diperkatakan Meriam yang menerima anugerah Tokoh Guru.

Bagi STPM pula, seramai 32 orang pelajar dan STAM seramai 51 orang calon STAM mencatat keputusan cemerlang bagi semua mata pelajaran yang diambil.